

PERINTAH AM BAB 'C'

PENGURUSAN CUTI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM

SUMBER DASAR DAN PERATURAN KEMUDAHAN CUTI

Perintah Am Bab 'C'

**Pekeliling Perkhidmatan &
Surat Pekeliling Perkhidmatan**



Prinsip Pemberian Kemudahan:

Disediakan sebagai satu keistimewaan, boleh ditarik balik jika perlu;

Hanya dinikmati apabila digunakan, luput jika tidak digunakan;

**Prinsip
Pemberian
Kemudahan**

Diberi atas tujuan tertentu dengan syarat & kelayakan yang berbeza, tidak boleh ditukar ganti;

Diberi dengan saksama kepada yang layak.

Tafsiran 'Cuti':

“sebarang tempoh seseorang pegawai itu dibenarkan meninggalkan tugasnya dan peninggalan tugas itu tidak dikira sebagai putus perkhidmatan atau sebagai berhenti kerja”

Perintah Am 1 (i) Bab C

CONTOH 'DIBENARKAN' MENINGGALKAN TUGAS:

- ◉ Dibenarkan melalui kebenaran secara bertulis/e-Cuti
- ◉ Diberi kebenaran secara lisan dan kemudiannya mendapat kelulusan bertulis/e-Cuti
- ◉ Meninggalkan tugas tanpa cuti atau tanpa kebenaran terlebih dahulu tetapi terdapat sebab yang munasabah yang boleh diterima dan seterusnya dengan serta merta melaporkan kepada ketua jabatan. Jika alasan diterima, guna kemudahan cuti rehat secara formal dengan mengisi borang permohonan cuti untuk diluluskan/memohon melalui e-Cuti

Bagaimana jika tidak mendapat kelulusan?

TIDAK HADIR BERTUGAS TANPA CUTI

Perintah Am, Bab C 14 (A)

- (a) Tiada gaji bagi tempoh tidak hadir bekerja tanpa cuti
 - Tidak hadir bertugas tanpa cuti, tanpa kebenaran ketua jabatan (KJ) terlebih dahulu / tanpa sebab-sebab yang munasabah boleh menyebabkan tindakan tatatertib.

- (b) Suatu perakuan daripada Ketua Jabatan berkenaan ketidakhadiran bekerja di (a), adalah satu kuasa yang mencukupi utk memotong gaji/emolumen

PEMBERIAN CUTI

Cuti tidak diberi secara automatik. Cuti perlu diluluskan oleh Ketua Jabatan / Kuasa Tertentu .
(mengikut mana yang berkenaan).

Ia juga boleh diberi apabila seseorang pegawai itu berkelayakan di bawah peraturan jenis-jenis cuti yang berkaitan.

JENIS-JENIS CUTI DALAM PERKHIDMATAN AWAM

CUTI YANG DIBERI KERANA PERKHIDMATAN

- Cuti Rehat
- Cuti Separuh Gaji
- Cuti Tanpa Gaji
- *Guru:
 - Cuti Penggal
 - Cuti Rehat Khas

CUTI ATAS SEBAB PERUBATAN

- Cuti Sakit
- Cuti Sakit Lanjutan
- Cuti Kerantina
- Cuti Kecederaan
- Cuti Tibi, Kusta Dan Barah
- Cuti Bersalin

CUTI TIDAK BEREKOD

- Cuti Gantian
- Cuti Untuk Mengambil Peperiksaan
- Cuti Isteri Bersalin
- Cuti Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat
- Cuti Tugas Khas Perubatan

CUTI-CUTI LAIN

- Cuti Haji
- Cuti Menjaga Anak (Tanpa Gaji)
- Cuti Berkursus (Cuti Belajar)
- Kebenaran Tidak Hadir Bertugas Atas Sebab Kecemasan Am



**CUTI YANG DIBERI KERANA
PERKHIDMATAN**

Tafsiran “Perkhidmatan Yang Melayakkan”:

“perkhidmatan yang diambil kira bagi mengira kelayakan mendapat cuti seseorang pegawai dan terdiri daripada masa-masa bertugas, cuti rehat dan cuti sakit tetapi tidak termasuk cuti separuh gaji, cuti tanpa gaji, cuti haji, cuti tibi, kusta dan barah dan cuti belajar”

Perintah Am 1 (ix) Bab C

CUTI YANG DIBERI KERANA PERKHIDMATAN

PERKHIDMATAN YANG MELAYAKKAN

Masa-masa Bertugas

Cuti Rehat

Cuti Sakit

bergantung kepada perkhidmatan yang melayakkan

PERKHIDMATAN YANG TIDAK MELAYAKKAN

Cuti Separuh/ Tanpa Gaji

Cuti Haji

Cuti Tibi, Kusta Dan Barah

Cuti Belajar

akan menjejaskan kelayakan Cuti Rehat

CUTI REHAT (CR)

Tafsiran “Cutu Rehat”

Perintah Am 1 (ii) Bab C

- “cuti bergaji penuh yang diberi kerana perkhidmatan yang melayakkan dalam sesuatu tahun, dari bulan Januari hingga Disember”

DASAR CUTI REHAT

- Tujuan kecekapan dan kepentingan pegawai
- Seberapa yang boleh, Ketua Jabatan hendaklah menyediakan giliran cuti rehat bagi staf dibawah seliaanya.

Kelayakan CR

Lantikan sebelum 1 September 2005 ([PP 4/2002](#))

KUMPULAN/GRED	< 10 TAHUN	≥ 10 TAHUN
Pengurusan Tertinggi	30 hari	35 hari
31 - 54	30 hari	35 hari
21 - 30	25 hari	30 hari
1 - 20	20 hari	25 hari

Kelayakan CR

Lantikan mulai 1 September 2005 hingga 31 Disember 2008
(PP 20/2005)

KUMPULAN/GRED	< 10 TAHUN	≥ 10 TAHUN
Pengurusan Tertinggi	30 hari	30 hari
31 - 54	30 hari	30 hari
21 - 30	25 hari	30 hari
1 - 20	20 hari	25 hari

Kelayakan CR

Lantikan mulai 1 Januari 2009 (PP 14/2008)

- termasuk pegawai sedang berkhidmat yang bersetuju menerima opsyen melalui PP 14/2008

KUMPULAN/GRED	< 10 TAHUN	≥ 10 TAHUN
Pengurusan Tertinggi	25 hari	25 hari
31 - 54	25 hari	25 hari
21 - 30	25 hari	25 hari
1 - 20	20 hari	25 hari

Formula Pengiraan Kelayakan CR

Tempoh Perkhidmatan Yang Melayakkan (PYM)	x	Kelayakan CR Tahunan
365 hari		

Contoh Pengiraan Kelayakan CR



Cuti Separuh Gaji selama 122 hari (tidak layak cuti rehat)

$$\begin{aligned} \text{Kelayakan CR bagi tahun ini} &= \frac{243}{365} \times 25 \\ &= 17 \text{ hari} \end{aligned}$$

LATIHAN : PUAN ZALINA

- ◉ Lantikan pada 1 April 2011
- ◉ Jawatan = N17
- ◉ Kelayakan cuti setahun = ?
- ◉ Kelayakan cuti rehat bagi tahun 2011= ?

LATIHAN : EN. RAZAK

- Jawatan = N41
- Cuti rehat tahunan = 30 hari
- Pergi tunaikan Haji 2011= 47 hari
- Kelayakan cuti rehat sebenar 2011 = ?

CUTI REHAT PEGAWAI LANTIKAN KONTRAK (*CONTRACT OF SERVICE SHJ*)

(PP 14/2008)

- Tempoh kelayakan adalah mengikut tempoh kontrak individu BUKAN secara tahunan

Kelayakan = 25 hari setahun

Lantikan = 15.2.2010 - 14.2.2011

- Baki cuti tidak diambil akan luput apabila tempoh kontrak tamat atau dibayar Award Gantian Cuti Rehat sebanyak :

“ $\frac{1}{4}$ daripada kelayakan cuti rehat, maksimum 8 hari mengikut mana yang lebih rendah”

Kelayakan = 25 hari setahun

GCR = $\frac{1}{4} \times 25 = 6$ hari shj

CUTI REHAT PEGAWAI SAMBILAN (PP 17/2005)

- ◉ Staf sambilan adalah layak diberi 1 hari cuti rehat bergaji penuh bagi setiap kali genap 23 hari bekerja tetapi tidak melebihi tujuh hari dalam setahun kalendar.
23 hari bekerja = 1 cuti rehat
- ◉ Bilangan hari bekerja yang melayakkan anggota sambilan diberi cuti rehat bergaji penuh tidak dihadkan kepada hari bekerja dalam sesuatu bulan tertentu sahaja bahkan anggota boleh mengumpul hari bekerja dalam bulan yang lain tetapi hendaklah dalam tahun yang sama.

Syarat CR

Berdasarkan
Perkhidmatan Yang
Melayakkan

Diambil pada bila-
bila masa dalam
sesuatu tahun

Diluluskan oleh
Ketua Jabatan

Baki CR tahun pertama
boleh dibawa sehingga ke
tahun ketiga (PP 9/1991)

- Tahun Pertama - 2006
- Tahun Kedua - 2007
- Tahun Ketiga - 2008
- Baki CR tahun 2006 boleh dibawa sehingga tahun 2008, luput jika tidak digunakan pada akhir 2008

Syarat CR

CR yang tidak dapat dihabiskan - GCR

- Maksimum 150 hari (PP 18/2008)
- CR tahun semasa sahaja
- $\frac{1}{2}$ daripada kelayakan CR tahun semasa atau maksimum 15 hari dalam setahun

2 keadaan yang mengubah kelayakan CR:

- Genap 10 tahun perkhidmatan
- Dinaikkan pangkat

LATIHAN : EN. ZAMRI

- Jawatan = N17 (dilantik pada 31 .8.2005)
- Kelayakan cuti setahun = 20 hari
- Naik pangkat N22 pada 1.7.2011
- Berapa cuti rehatnya pada tahun 2011 ?

Syarat CR

KELAYAKAN CUTI REHAT (\geq 10 TAHUN PERKHIDMATAN)

TEMPOH	KADAR CUTI REHAT	TAHUN PERKHIDMATAN
20/08/1998 - 19/08/1999	25	Tahun Pertama
20/08/1999 - 19/08/2000	25	Tahun Kedua
20/08/2000 - 19/08/2001	25	Tahun Ketiga
20/08/2001 - 19/08/2002	25	Tahun Keempat
20/08/2002 - 19/08/2003	25	Tahun Kelima
20/08/2003 - 19/08/2004	25	Tahun Keenam
20/08/2004 - 19/08/2005	25	Tahun Ketujuh
20/08/2005 - 19/08/2006	25	Tahun Kelapan
20/08/2006 - 19/08/2007	25	Tahun Kesembilan
20/08/2007 - 19/08/2008	25	Tahun Kesepuluh
(Layak tambahan 5 hari CR pada 1/1/2008)	30*	(Genap 10 Tahun Perkhidmatan pada 2008)

SAMBUNGAN : EN. ZAMRI

- ◉ Bila En.Zamri cukup servis 10 tahun?
- ◉ Berapa bilangan cuti rehat pada tahun ke-10 itu?

BAKI CUTI REHAT ?

- Baki cuti rehat tahun pertama boleh dibawa sehingga ke tahun ketiga. (PP 9/1991)

Tahun pertama - 2006*

Tahun kedua - 2007

Tahun ketiga - 2008

* Baki cuti rehat tahun 2006 boleh dibawa hingga ke tahun 2008. LUPUT jika tidak digunakan sehingga akhir 2008.

PENGUMPULAN GCR

- Baki cuti rehat tidak boleh dikumpulkan untuk GCR (gantian cuti rehat) secara automatik
- Permohonan GCR - jika KJ berpuas hati terdapat baki cuti rehat itu tidak dapat diambil atas kepentingan perkhidmatan

KADAR GCR

- Cuti rehat yang boleh dikumpul untuk pemberian wang tunai sebagai gantian cuti rehat (GCR), maksimum 150 hari (PP 18/2008)
- Pengumpulan GCR - 15 hari @ ½ daripada kadar cuti rehat yang layak bagi tahun tersebut (tahun semasa), mengikut mana yang kurang

PENGIRAAN BAYARAN GCR

$1/30 \times \text{Gaji Akhir} + \text{Jumlah GCR terkumpul}$

Gaji Yang Akhir Diterima, termasuk:

- ✓ Gaji pokok
- ✓ Imbuhan Tetap (Perumahan, ITKA, Keraian , ITJawatan Utama/Gred Khas)

BAGI PESARA

Pengumpulan kesemua CR yang layak bersamaan kadar kelayakan CR tahunan pada tahun akhir perkhidmatan untuk pengumpulan GCR maksimum 150 hari.

BERCUTI REHAT (PERIBADI) KE LUAR NEGARA

Mengemukakan permohonan untuk keluar negara melalui Ketua Jabatan

Mulai 31/12/2004 (di bawah PP8/2004) - bayaran premium insurans ditanggung oleh KJ/majikan. Premium yang diambil memberi perlindungan kesihatan selama 31 hari bermula dari tarikh pegawai berlepas ke luar negara. Ia meliputi: perbelanjaan perubatan, hospital & rawatan.

(Terhad sekali dalam setiap tahun kalendar sahaja)

MENGHABISKAN CUTI SEBELUM BERSARA

- ◉ Semua baki cuti rehat perlu dihabiskan sebelum bersara
- ◉ Baki cuti rehat yang tidak dihabiskan selepas bersara dikira lupus
- ◉ Baki cuti rehat selepas bersara tidak boleh dibawa ke tahun berikutnya sekira jika kakitangan yang bersara disambung perkhidmatan secara kontrak

Cuti Separuh Gaji

**Atas sebab
kesihatan sanak
saudara yang rapat**

***Lawatan sambil belajar ke
seberang laut yang
diluluskan oleh KSU
Kementerian Pelajaran
Malaysia**

- *(Diperuntukkan kpd
Pegawai Perkhidmatan
Pendidikan sahaja)**

Cuti Separuh Gaji

Tafsiran “sanak saudara”:

“suami / isteri, anak-anak, ibu bapa, adik-beradik, dan lain-lain saudara mara yang rapat kepada pegawai”

Perintah Am 1(x) Bab C

Lain-lain saudara mara yang rapat adalah merangkumi ibu dan bapa mertua, datuk dan nenek (SPP 5/1985)

Cuti Separuh Gaji

Perintah Am 13
Bab C

Kadar

30 hari bagi setiap genap setahun perkhidmatan

Tidak melebihi 180 hari di sepanjang tempoh perkhidmatan

Syarat

Berdasarkan Perkhidmatan Yang Melayakkan;

Diluluskan oleh Ketua Jabatan bagi tempoh yang tidak melebihi 14 hari dalam satu tahun; dan

Diluluskan oleh Kuasa Tertentu bagi tempoh yang selebihnya.

CUTI TANPA GAJI

◉ 3 JENIS

- ◉ 1. CTG atas sebab peribadi yang mustahak
 - ◉ 2. CTG mengikut pasangan
 - ◉ 3. CTG menjaga anak
- ◉ *Berdasarkan syarat-syarat/kelayakan yang tertentu

Cuti Tanpa Gaji (CTG) - peribadi yg mustahak

Perintah Am 14
Bab C

Tujuan

Urusan persendirian yang mustahak

Tidak menjejaskan kedudukan sebagai pegawai Perkhidmatan Awam

Tidak menyalahi undang-undang negara

Kadar

30 hari bagi setiap genap setahun perkhidmatan

Tidak melebihi 360 hari sepanjang tempoh perkhidmatan

Cuti Tanpa Gaji

Perintah Am 14
Bah C

Syarat

- Berdasarkan Perkhidmatan Yang Melayakkan
- Syarat minimum CTG - 6 bulan perkhidmatan yang melayakkan ([PP 9/1991](#))
- Telah menghabiskan semua CR yang berkeelayakan
- Dicatatkan ke dalam Buku Rekod Perkhidmatan pegawai
- Tidak boleh digunakan untuk notis letak jawatan (SBPA ada pindaan)***

- (Pegawai kontrak tidak layak CTG - kecuali untuk menunaikan Haji, berdasarkan syarat-syarat yang tertentu)

Soalan

Encik Ahmad telah dilantik ke perkhidmatan awam sebagai PT(P/O) Gred N17 pada 15/07/1996. Beliau telah dinaikkan pangkat ke PT(P/O) Gred N22 pada 1/12/2006. Berapakah kelayakan Cuti Rehat bagi Encik Ahmad pada tahun 2006?

Cuti Rehat 2006 sebanyak 30 hari

Encik Ahmad telah ditawarkan KPSL ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 pada 1/5/2009. Berapakah kelayakan Cuti Rehat bagi Encik Ahmad pada tahun 2009?

Cuti Rehat 2009 sebanyak 25 hari

Soalan

Puan Ba'yah dilantik ke perkhidmatan awam pada 17/4/2006. Pada tahun 2009, bapa beliau telah dimasukkan ke hospital kerana diserang angin ahmar (*stroke*) dan disahkan lumpuh separuh badan. Puan Ba'yah berhasrat untuk bercuti bagi tujuan menjaga bapanya. Apakah cuti-cuti yang beliau berkecualan dan berapakah kekecualannya?

- **Cuti Rehat yang berkecualan**
- **Cuti Separuh Gaji - berdasarkan kekecualan tiga (3) tahun perkhidmatan (habiskan dahulu cuti rehat)**
- **Cuti Tanpa Gaji - berdasarkan kekecualan tiga (3) tahun perkhidmatan**



CUTI ATAS SEBAB PERUBATAN

Cuti Atas Sebab Perubatan

“Cuti-cuti atas sebab perubatan adalah diberi oleh Ketua Jabatan atau Kuasa Tertentu bila seseorang pegawai itu disahkan oleh seseorang Pegawai Perubatan atau oleh sebuah Lembaga Perubatan atau oleh seorang ahli Panel Doktor sebagai tidak sihat untuk menjalankan tugas-tugas jawatannya”

Perintah Am 15 Bab C

Cuti Sakit

Perintah Am 17
Bab C

Tujuan

- Membolehkan pegawai yang sakit untuk berehat bagi memulihkan kesihatannya

Syarat

- Pegawai disahkan tidak sihat untuk bertugas oleh Pegawai Perubatan/ Lembaga Perubatan/ Panel Doktor;
- Pengesahan dibuat ke atas sijil sakit; dan
- Mengemukakan sijil sakit kepada Ketua Jabatan untuk kelulusan.
- Kalau TIDAK diluluskan ?

Cuti Sakit

Perintah Am 14
Bab C

180 hari dalam setahun

- 90 hari pertama - kelulusan Ketua Jabatan
- 90 hari berikutnya - kelulusan Kuasa Tertentu

Hospital Kerajaan / Panel Doktor :
180 hari

Sijil Sakit Swasta
(PP 2/2006)

- Rawatan Pesakit Luar - 15 hari setahun
- Rawatan Pesakit Dalam - 180 hari setahun

CUTI SAKIT

- ◎ **SYARAT:** cuti sakit itu dihabiskan di hospital atau di rumah pegawai melainkan jika ditetapkan selainnya oleh pegawai perubatan.

Sedang Cuti Rehat (dalam negara), tiba-tiba sakit

- ◎ Layak cuti sakit
(Perintah Am, Bab C Perkara 19)
- ◎ Baki cuti rehat yang belum dihabiskan boleh disambung selepas cuti sakit itu
- ◎ Pegawai boleh dipanggil bertugas jika diperlukan oleh KJ

SEDANG CUTI REHAT (LUAR NEGARA), TIBA-TIBA

SAKIT

TIDAK layak diberi cuti sakit

(Perintah Am, Bab C Perkara 20 (a))

- 20 (b) Tetapi, sekiranya sakit pada tarikh sepatutnya balik ke Malaysia @ berlarutan sehingga tarikh sepatutnya balik ke Malaysia, pegawai boleh diberi cuti sakit dari tarikh dia patut balik hingga tarikh masuk kerja semula. Dengan syarat berikut dipenuhi sepenuhnya :
- Dimasukkan ke hospital (di negara berkenaan);
- Permohonan cuti sakit disokong dengan sijil sakit dari doktor kerajaan (di luar negeri berkenaan) dan dalam sijil dinyatakan jenis sakit, tarikh mula masuk hospital dan tarikh dijangka keluar hospital, dan
- Mengambil peluang untuk balik ke Malaysia seelok-elok sahaja ia sihat. Ia dianggap tidak sihat untuk membuat perjalanan jauh dalam tempoh 7 hari dari tarikh keluar hospital.

SEDANG CUTI SEPARUH GAJI/TANPA GAJI (DALAM/LUAR NEGARA), TIBA-TIBA SAKIT

- ◉ TIDAK layak mendapatkan cuti sakit
(Perintah Am, Bab C Perkara 21 (a))

- ◉ Tetapi sekiranya bercuti separuh gaji/tanpa gaji di luar negara, dan kemudiannya sakit, cuti sakit boleh diberikan selepas tamatnya tempoh cuti separuh gaji/tanpa gaji itu dengan syarat-syarat Perintah Am 20(b) dipatuhi.
(Perintah Am, Bab C Perkara 21 (b))

Cuti Sakit Lanjutan

Perintah Am 22
Bah C

Tujuan

Pegawai yang diperakukan oleh Lembaga Perubatan memerlukan masa berehat yang panjang kerana tidak sihat untuk bertugas tetapi ada harapan untuk sihat semula bagi perkhidmatan selanjutnya

Syarat

Telah menghabiskan CS bergaji penuh selama 180 hari;

Telah menghabiskan CR yang berkelayakan; dan

Mengemukakan laporan dan perakuan Lembaga Perubatan

Cuti Sakit Lanjutan

Perintah Am 22
Bab C

Kadar

- **90 hari (Cuti Separuh Gaji dengan perakuan Lembaga Perubatan)** Sementara tunggu keputusan LP, perlu kemukakan sijil sakit. Jika tidak kemukakan sijil sakit, pegawai hendaklah diberi Cuti Tanpa Gaji.
- Dengan kebenaran Kuasa Tertentu, pegawai boleh diberi elaun bantuan sekiranya cuti sakit lanjutan tanpa gaji.
- **90 hari berikutnya (Cuti Tanpa Gaji + Elaun Bantuan)**
- Belum sembuh boleh dibersarakan dengan perakuan Lembaga Perubatan ([PP 10/1995](#))

KELAYAKAN CS DAN CSL DALAM SATU TAHUN KALENDAR

PROSEDUR PEMBERIAN CS DAN CSL

KATEGORI	TEMPOH	KUASA MELULUS	CATATAN
C/Sakit (Gaji Penuh)	90 hari	Ketua Jabatan	-
C/Sakit (Gaji Penuh)	90 hari	Kuasa Tertentu	LP ditubuhkan
Cuti Rehat	Mengikut Kelayakan	Ketua Jabatan	
CSL (Separuh Gaji)	90 hari	Kuasa Tertentu	Dengan Perakuan LP
CSL (Tanpa Gaji)	90 hari	Kuasa Tertentu	Dengan Perakuan LP

Cuti Kerantina

Perintah Am 24
Bab C

Tujuan

- Menghalang berlakunya wabak penyakit

Syarat

- Pegawai ditahan di mana-mana stesen kerantina:
 - Pintu Masuk Negara
 - Hospital/ Klinik/ Rumah

Kadar

- Sepanjang tempoh penahanan (Bergaji Penuh)
- Jika pegawai sakit - dikira sebagai Cuti Sakit

Cuti Bersalin

Perintah Am 25-26 Bab C, [PP 2/1998](#) , [SPP 5/2009](#) & [PP14/2010](#)

Tujuan


- Diberi kepada pegawai wanita untuk pulih daripada melahirkan anak

Syarat

- Pegawai boleh memilih untuk menggunakan kemudahan Cuti Bersalin sama ada:
 - mulai tarikh pegawai melahirkan anak; atau
 - pada bila-bila masa dalam tempoh 14 hari dari tarikh dijangka bersalin
- Mengemukakan Perakuan Bersalin atau dokumen sokongan yang mengesahkan tarikh dijangka bersalin
- Dicatatkan ke dalam Buku Rekod Perkhidmatan

Kadar

- 60-90 hari setiap kali melahirkan anak
- Layak 300 hari sepanjang tempoh perkhidmatan
- (Layak mohon Cuti Tanpa Gaji Menjaga Anak selepas cuti bersalin)



Cuti Kecederaan

Perintah Am 27
Bah C

Tujuan

- Membolehkan pegawai yang mengalami kecederaan semasa bertugas untuk pulih daripada kecederaannya

Syarat

- Kecederaan semasa menjalankan tugas;
- Diperakukan oleh Lembaga Perubatan mempunyai harapan untuk sembuh dan kembali bertugas; dan
- Menggunakan CSakit yang berkeelayakan, sekiranya tiada lagi kelayakan CSakit, maka diberi Cuti Kecederaan sebagai cuti tambahan (Bergaji Penuh).
- Hanya boleh diluluskan oleh Kuasa Tertentu

Kadar

- Tempoh sehingga pulih dari kecederaan atau ke tarikh akan dibersarakan

Cuti Tibi, Kusta dan Barah

Perintah Am 31
Bah C

Tujuan

- Memerlukan tempoh rawatan yang panjang

Syarat

- Disahkan mengidap penyakit tibi, kusta atau barah; dan
- Mengemukakan sijil sakit kepada Ketua Jabatan.

Kadar

- Cuti bergaji penuh selama 12 bulan (penyakit tibi) atau 24 bulan (penyakit kusta / barah)
- Selepas cuti TKB bergaji penuh, perlu guna Cuti Rehat yang berkecualan
- Kemudian boleh diberi CSeparuh Gaji - 12 bulan
- Cuti Tambahan - budi bicara Kuasa Tertentu dengan perakuan LP
- Budi bicara Kuasa Tertentu +akuan LP

Soalan

Encik Chong terlibat dalam kemalangan ketika dalam perjalanan dari rumah untuk ke pejabat beliau di INTAN Bukit Kiara. Beliau telah dimasukkan ke Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) dan dikehendaki tinggal di wad selama 10 hari. Setelah dibenarkan keluar dari wad, beliau diberikan Sijil Sakit mulai 1/5/2009 (tarikh dimasukkan ke hospital) hingga 30/5/2009. Bagaimanakah kedudukan Cuti Sakit bagi Encik Chong?

Cuti Sakit Kerajaan - 30 hari

Bagaimanakah kedudukan Cuti Sakit bagi Encik Chong sekiranya beliau dimasukkan ke *Pantai Specialist Hospital*?

Cuti Sakit Swasta (Pesakit Dalam) - 10 hari

Cuti Sakit Swasta (Pesakit Luar) - 20 hari. (Sudah lebih 15 hari??)



CUTI TIDAK BEREKOD

JENIS-JENIS CUTI TANPA REKOD

- ❖ Cuti gantian
- ❖ Cuti latihan pasukan sukarela
- ❖ Cuti menghadiri latihan/khemah kerja tahunan pertubuhan/persatuan
- ❖ Cuti lain-lain kursus
- ❖ Cuti menghadiri latihan syarikat kerjasama
- ❖ Cuti memasuki peperiksaan
- ❖ Cuti menghadiri mesyuarat persatuan ikhtisas
- ❖ Cuti mengambil bahagian dalam olahraga / sukan
- ❖ Cuti tugas khas perubatan
- ❖ Cuti isteri bersalin
- ❖ Cuti urusan kematian ahli keluarga terdekat
- ❖ Mengikuti kursus intensif di bawah program PJJ
- ❖ Cuti tanpa rekod di bawah program PLKN

Cuti Gantian (CG)

Perintah Am 40 Bab C, SPP
1/1980

Syarat:

- Diarahkan bertugas lebih masa;
- Tidak layak Bayaran Lebih Masa atau sebarang bayaran khas lain; dan
- Kelulusan Ketua Jabatan.

Kadar:

- Masa sebenar bertugas lebih masa
- 9 jam bertugas lebih masa = 1 hari CGanti

Cuti Latihan Pasukan Sukarela

Perintah Am 41
Bab C

Tujuan:

- Menghadiri latihan atau khemah tahunan

Syarat:

- Pasukan sukarela yang disenaraikan sahaja:
 - Askar Wataniah;
 - Pasukan Simpanan Sukarela TLDM;
 - Pasukan Simpanan Sukarela TUDM;
 - Pasukan Sukarela Polis (PVR); dan
 - Pasukan Pertahanan Awam (JPA3)
- RELA

Kadar:

- 30 hari setahun (Jika terlebih, tolak Cuti Rehat)
- Tambahan 2 hari perjalanan pergi dan balik ke tempat latihan

Cuti Menghadiri Latihan Atau Khemah Tahunan Pertubuhan/ Persatuan

Perintah Am 42(a)
Bah C

Tujuan:

- Menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan, Mesyuarat Agung Luar Biasa, Kursus/ Seminar, Khemah Tahunan atau Sukan

Syarat:

- Menjadi ahli Pertubuhan/ Persatuan yang diisytiharkan oleh KPPA
- Aktiviti di dalam Malaysia sahaja
- Kelulusan Ketua Jabatan

Kadar:

- 14 hari setahun
- Tambahan 2 hari perjalanan pergi dan balik ke tempat latihan

PERTUBUHAN/PERSATUAN YANG DIBENARKAN UNTUK HADIRI LATIHAN /

KERJA TAHUNAN

1. Kadet Laut
2. Pasukan Kadet Persekutuan
3. Pasukan Latihan Udara Persekutuan
4. Pertubuhan Pengakap
5. Pertubuhan Pandu Puteri
6. Briged Budak Lelaki
7. Briged Budak Perempuan
8. Ambulan St. John
9. PBSM
10. PEMADAM
11. Persatuan Perancang Keluarga
12. Persatuan Penyelamat Kelemasan DiRaja Cawangan Malaysia
13. Persatuan Membantu Orang-Orang Dalam Penyeliaan
14. PUSPANITA
15. PERKIM
16. Persatuan Keluarga Polis
17. Persatuan Pengguna
18. Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri
19. Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita Dalam Pembangunan

Cuti Lain-lain Kursus

Perintah Am 42(b)
Bah C

Tujuan:

- Kursus Kepimpinan Belia Dan Bina Semangat - Anjuran Kementerian Belia Dan Sukan
- Kursus Kesatuan Sekerja - Diluluskan oleh Kementerian Sumber Manusia

Syarat:

- Kelulusan oleh Ketua Jabatan - tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan
- Kursus di luar negara - diluluskan oleh KPPA

Kadar:

- 14 hari setahun
- Tambahan 2 hari perjalanan pergi dan balik ke tempat latihan

Cuti Menghadiri Latihan Syarikat Kerjasama

Perintah Am 43
Bab C

Tujuan:

- Menghadiri kursus, latihan, seminar atau mesyuarat syarikat kerjasama - yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Koperasi

Syarat:

- Menjadi ahli dalam syarikat kerjasama
- Dijemput atau dilantik ke sebarang jawatan dalam syarikat kerjasama
- Telah membuat akuan bertulis untuk memegang jawatan di dalam syarikat kerjasama
- Kelulusan oleh Ketua Jabatan - tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan

Kadar:

- Tidak melebihi 2 bulan

Cuti Untuk Masuk Peperiksaan

Tujuan

Perintah Am 44
Bah. C

- Mengambil peperiksaan yang boleh membaiki peluang hidup pegawai

Syarat

- Kelulusan atas budi bicara Ketua Jabatan

Kadar

- Hari peperiksaan sahaja (PP 9/1991)

Cuti Menghadiri Mesyuarat Persatuan Ikhtisas

Perintah Am 45 Bab C, [PP 9/1977](#)

Tujuan:

- Menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Luar Biasa

Syarat:

- Menjadi ahli persatuan ikhtisas
- Persatuan ikhtisas yang diisytiharkan oleh KPPA
- Kelulusan oleh Ketua Jabatan - tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan



Kadar:

- Tempoh sebenar mesyuarat; dan
- Tempoh perjalanan pergi dan balik - tidak melebihi 2 hari

SENARAI PERSATUAN YANG DISENARAI DI BAWAH PERINTAH AM 45 BAB 'C'

1.	The Malaysian Association Of certified Public Accountants
2.	Federation Of Malaya Society Of Architects
3.	Joint Group Of Institute Of Civil Engineers. The Institute Of Mechanical Engineers And Institution Of Electrical Engineers
4.	Persatuan Biokimia Malaysia (The Malaysian Bio-Chemical Society)
5.	The Malayan Dental Association
6.	The Institution Of Engineers Federation Of Malaya
7.	Persatuan Jurutera Galian Malaysia
8.	Persatuan Juru-juru X-Ray Malaysia
9.	Persatuan Kesihatan Malaysia (Malaysian Society Of Health)
10.	Institut Kimia Malaysia
11.	Malayan Medical Association
12.	The Alumni Association Of The King Edward VII College Of Medicine

13.	The Association Of Medical Social Workers Malaysia
14.	Malayan Section Of The Institute Of Mining And Metallurgy
15.	The Malayan Trained Nurses Association
16.	The Obstetrical And Gynaecological Society Of Malaya
17.	Persatuan Pakar Bius Malaysia
18.	Persatuan Pakar Orthopedic Malaysia
19.	Malaysia Society Of Pathologists
20.	Pertubuhan Perancang Malaysia
21.	Akademik Perubatan Malaysia
22.	The Association Of Physicians Of Malaya
23.	The Malayan Pharmaceutical Association
24.	The Malayan Scientific Association
25.	The Malayan Association Of The Chartered Institute Of Secretaries
26.	The College Of Surgeons Of Malaysia

27.	Institution Of Surveyors Federation Of Malaya
28.	Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik Malaysia
29.	The Technical Association Of Malaya
30.	Town Planning Institute (Malaya Branch)
31.	The Malayan Veterinary Medical Association
32.	Persatuan Kajiperasit dan Tropika Malaysia
33.	Persatuan Doktor-doktor Veterinar Malaysia
34.	Persatuan Pegawai-pegawai Perkhidmatan Kehakiman Dan Perundangan
35.	Persatuan Dermatology Malaysia
36.	Persatuan Radiology Malaysia (Malaysia Radiologi Society)
37.	The College Of Physicians Of Malaysia
38.	Persatuan Pemakanan Malaysia
39.	Persatuan Pediatri
40.	Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia

41.	Persatuan Pegawai Pelajaran Kesihatan
42.	Malaysia Institute Of Food Technology
43.	Persatuan Fesioterapi Malaysia
44.	Persatuan Ahli Biokimia - Klinikal Malaysia
45.	Persatuan Penyakit Berjangkit Dan Kemoterapi Malaysia
46.	Persatuan Inspektor Kesihatan Malaysia
47.	Malaysian Psychiatric Association
48.	Persatuan Jurupulih Cara Kerja Malaysia
49.	Persatuan Onkologi Malaysia



Cuti Mengambil Bahagian Dalam Olahraga/ Sukan

Perintah Am 46 Bab C, [SPP 11/1980](#)

Tujuan

- Melibatkan diri dalam pertandingan sukan/ olahraga di peringkat negeri, kebangsaan atau antarabangsa

Syarat

- Mengambil bahagian dalam sukan perwakilan di peringkat negeri, kebangsaan atau antarabangsa
- Terpilih sebagai atlit, jurulatih, pegawai sukan atau ahli Majlis/ Jawatankuasa pertandingan
- Dideri atas budi bicara KJ dan tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan

Kadar

- Tempoh sebenar pertandingan; tidak melebihi 30 hari setahun (terhad kepada 3 acara dalam setahun)
- Lebih 30 hari - kelulusan oleh Kuasa Tertentu

Cuti Tugas Khas Perubatan

Perintah Am 47
Bah. C

Tujuan

- Peluang berehat akibat terdedah kepada tugas tertentu

Syarat

- Menjalankan tugas x-ray sepenuh masa dan terdedah kpd pancaran cahaya x-ray
- Tugas dijalankan di pusat perubatan yg merbahaya atau tidak digemari
- Berdasarkan perkhidmatan yang melayakkan (cth : juru x-ray)

Kadar

- 14 hari setahun, tidak boleh dikumpulkan ke tahun berikutnya

Cuti Rombongan Kebudayaan

PP 16/1966

Tujuan:

- Menyertai rombongan kebudayaan

Syarat:

- Rombongan anjuran Kementerian Belia Dan Sukan dan Kementerian Penerangan Komunikasi, Kesenian Dan Kebudayaan
- Kelulusan oleh Ketua Jabatan - tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan

Kadar:

- Tempoh sebenar lawatan kebudayaan

Cuti Mesyuarat MBK/ MBJ

PP 21/1973

Tujuan

- Menghadiri Mesyuarat MBK / MBJ

Syarat

- Pegawai dikehendaki untuk hadir ke mesyuarat berkenaan
- Kelulusan oleh Ketua Jabatan - tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan

Kadar

- Tempoh sebenar mesyuarat

Cuti Kursus Sambilan

SPP 7/2009

Tujuan

- Mengikuti kursus intensif dalam tempoh pengajian secara sambilan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam negara

Syarat

- Telah disahkan dalam perkhidmatan
- Mendapat kebenaran bertulis dari Ketua Jabatan untuk mengikuti kursus secara sambilan
- Pengajian di peringkat Diploma, Ijazah Pertama, Diploma Lanjutan, Sarjana dan Kedoktoran (PhD) yang diiktiraf oleh Kerajaan

Kadar

- 30 hari setahun
- Maksimum 2 kali pengajian sepanjang tempoh perkhidmatan

Cuti Isteri Bersalin

PP 9/2002

Tujuan:

- Membantu urusan semasa isteri bersalin

Syarat:

- Mengemukakan Perakuan Bersalin
- Bermula pada tarikh isteri melahirkan anak, atau hari berikutnya jika kelahiran selepas waktu pejabat

Kadar:

- 7 hari setiap kali isteri bersalin, termasuk hari Rehat Mingguan dan hari Kelepasan Am
- 5 kali sepanjang tempoh perkhidmatan

Cuti Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat

PP 10/2002

Tujuan:

- Menziarahi dan membantu urusan berkaitan kematian ahli keluarga terdekat

Syarat:

- Ahli keluarga terdekat - suami/ isteri, anak-anak, ibu dan bapa kandung pegawai
- Mengemukakan Pengesahan Kematian
- Bermula pada tarikh kematian, atau hari berikutnya jika kematian selepas waktu pejabat

Kadar:

- 3 hari, termasuk hari Rehat Mingguan dan hari Kelepasan Am

Cuti Bagi Jurulatih PLKN

PP 1/2004

Tujuan:

- Menjalani latihan sebagai Jurulatih
- Menjalankan tugas sebagai Jurulatih

Syarat:

- Dilantik sebagai Jurulatih oleh Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN)
- Kelulusan oleh Ketua Jabatan

Kadar:

- Tempoh sebenar program latihan dan menjalankan tugas

Cuti Tanpa Rekod Bagi Pegawai Yang Menderma Organ

Tujuan:

PP 3/2010

- Membolehkan pegawai yang menderma organ berehat di rumah dan menjalani proses pemulihan

Syarat:

- Diperuntukkan kepada pegawai tetap, sementara, kontrak (*contract of service*), sangkut an dan guru sandaran;
- Mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia; dan
- Untuk pembedahan yang dijalankan di dalam negara sahaja.

Kadar:

- Mengikut tempoh yang diperakukan oleh Pegawai Perubatan Pakar atau tidak melebihi 42 hari, mengikut yang mana lebih rendah; dan
- Bermula dari tarikh pegawai dibenarkan pulang ke rumah.

Cuti/ Pelepasan Menghadiri Mahkamah Luar Stesen

JPA(S) 223/8/3-3 SK.4/ (11) bertarikh 26 Julai
1994

Tujuan:

- Membolehkan pegawai hadir ke mahkamah sebagai saksi

Disapina sebagai Saksi bagi pihak	Kelayakan
Kerajaan	Bertugas Rasmi
Bukan Kerajaan	Mahkamah Dalam Stesen - Pelepasan meninggalkan pejabat Mahkamah Luar Stesen - Cuti Tanpa Rekod untuk hadir di Mahkamah

Soalan

Puan Farah telah mengikuti Bengkel Pemantapan Bahasa yang diadakan di INTURA pada 3/5/2009 (Ahad) hingga 6/5/2009 (Rabu). Setelah kembali ke pejabat di Putrajaya, beliau telah menuntut Cuti Gantian bagi 3/5/2009. Adakah tuntutan Cuti Gantian tersebut teratur?

Peserta kursus TIDAK layak Bayaran Lebih Masa dan Cuti Gantian

Soalan

Encik Gurmeet Singh telah dilantik sebagai Pegawai Tadbir gred N41 secara kontrak selama 2 tahun mulai 1/4/2008 hingga 31/3/2010. Pada 15/5/2009, beliau telah menghadiri peperiksaan memasuki perkhidmatan Pegawai Tadbir Dan Diplomatik bertempat di PICC. Adakah Encik Gurmeet Singh layak diberikan Cuti Tidak Berekod bagi tujuan menghadiri peperiksaan tersebut?

Pegawai lantikan Kontrak tidak layak kemudahan Cuti Tidak Berekod

Soalan

Encik Harun, seorang Pegawai Sukan gred S44 di Kementerian Belia dan Sukan telah dilantik selaku Marsyal dalam acara Boling Padang yang diadakan sempena Sukan Malaysia 2008 (SUKMA XII) di Terengganu pada 31/5/2008 hingga 9/6/2008. Beliau telah memohon Cuti Tidak Berekod bagi tujuan mengambil bahagian dalam kejohanan tersebut. Apakah kedudukan Cuti Tidak Berekod yang dipohon oleh Encik Harun?

Layak - kejohanan di peringkat kebangsaan dan pegawai dilantik selaku pegawai sukan / ahli jawatankuasa pertandingan (tempoh sebenar pertandingan)

Soalan

Cik Izzah, seorang PT(P/O) gred N17 sedang mengikuti program pengajian di peringkat Diploma secara separuh masa (*part-time*) di Kolej Polytech MARA. Beliau telah mendapat kebenaran daripada Ketua Jabatannya untuk mengikuti pengajian tersebut. Sepanjang pengajiannya, beliau dikehendaki menghadiri latihan amali selama tiga (3) minggu mulai 9/3/2009 hingga 28/3/2009. Bagi tujuan tersebut, beliau telah memohon Cuti Kursus Sambilan daripada Ketua Jabatannya. Apakah kedudukan Cuti Tidak Berekod yang dipohon oleh Cik Izzah?

Layak - Latihan amali ditakrifkan sebagai Kursus Intensif dan pegawai dikehendaki hadir ke latihan amali berkenaan

Soalan

Puan Julia, isteri kepada Encik Kamarul telah selamat melahirkan anak ke-3 pada 17/5/2009 jam 7.45 pagi. Sehari selepas itu, Puan Luna, isteri kedua kepada Encik Kamarul telah selamat melahirkan anak ke-2 pada jam 8.45 malam. Bagaimanakah kedudukan Cuti Isteri Bersalin bagi Encik Kamarul?

Layak - tertakluk kepada 5 kali sepanjang tempoh perkhidmatan



CUTI-CUTI LAIN

Cuti Tanpa Gaji Menjaga Anak (CMA)

PP 2/1998, PP 15/2007 & SPP 14/2007

Tujuan Membolehkan pegawai wanita menjaga dan menyusukan anak

Syarat Secara Cuti Tanpa Gaji Permohonan CMA disertakan bersama Perakuan Bersalin
Hendaklah bersambung dari tempoh Cuti Bersalin atau bermula pada tarikh melahirkan anak (kpd pegawai yg telah habiskan kelayakan cuti bersalin 300 hari)
Boleh diambil sekaligus atau sebahagian daripadanya
Direkodkan ke dalam Kenyataan Perkhidmatan pegawai

Kadar 1825 hari (5 tahun) sepanjang tempoh perkhidmatan

Cuti Haji

Perintah Am 55 Bab C, [PP 9/1991](#)

Tujuan

Menunaikan fardhu haji di Mekah

Syarat

Pegawai beragama Islam

Berkhidmat tidak kurang 4 tahun , berjawatan tetap dan telah disahkan dalam jawatan

Pegawai berjawatan sementara - telah berkhidmat tidak kurang 6 tahun berterusan

Kadar

40 hari sepanjang tempoh perkhidmatan (1 x shj)

Cuti Tanpa Gaji Mengikuti Pasangan

PP 29/2009

Tujuan

Membolehkan pegawai mengikut pasangan berkhidmat/ berkursus di dalam atau di luar negara

Syarat

diarahkan bertugas atau diluluskan berkursus oleh Ketua Jabatan

Pekerja perbadanan awam, agensi swasta dan agensi luar negeri/ diarahkan bertugas atau diluluskan berkursus oleh Perbadanan Awam, agensi swasta atau agensi luar negeri.

Jika pasangan pegawai bukan terdiri daripada pegawai diatas, mereka hendaklah:

- Dianugerahkan bantuan kewangan oleh Kerajaan (dalam dan luar negeri)
- Disahkan menerima tawaran dan seterusnya melaporkan diri untuk mengikuti kursus

Kadar

Pegawai yang pasangannya merupakan pegawai awam (tempoh pasangan pegawai bertugas/ berkursus)

Pegawai yang pasangannya bukan pegawai awam, tempoh maksimum 3 tahun atau selama tempoh pasangan pegawai berkhidmat/ berkursus; yang mana lebih pendek

Tamat tempoh CTG/ pelanjutan, perlu berkhidmat setahun (1) tahun sebelum permohonan berikutnya.

Cuti Berkursus

Perintah Am 36 dan 56 Bab C

Tujuan

Membolehkan pegawai mengikuti kursus/ pengajian secara sepenuh masa di peringkat Kursus Lanjutan, Diploma, Ijazah Pertama, Diploma Lanjutan, Sarjana dan Kedoktoran (PhD)

Syarat

Pegawai dibenarkan oleh Ketua Jabatan
Diluluskan oleh Pihak Berkuasa
Melulus Permohonan Cuti Berkursus sama ada secara bergaji penuh, separuh gaji atau tanpa gaji
Kursus/ Pengajian di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam dan luar negara

Kadar

Sepanjang tempoh pengajian termasuk tempoh perjalanan pergi dan balik mengikut jalan yang paling dekat

Cuti Rehat Selepas Berkursus Melebihi 12 Bulan

Perintah Am 38
Bah C

Tujuan

Membolehkan pegawai berehat dan menguruskan perkara-perkara yang berkaitan selepas berkursus

Syarat

Menamatkan kursus/ pengajian melebihi 12 bulan
Mempunyai baki Cuti Rehat sebelum mula berkursus

Kadar

Maksimum 7 hari tertakluk kepada baki Cuti Rehat yang berkelayakan

Kebenaran Tidak Hadir Bertugas Atas Sebab Kecemasan Am

PP 1/1986

Tujuan:

Memberi kebenaran kepada pegawai untuk tidak hadir bertugas atas sebab kecemasan am

Syarat:

Kecemasan Am - gempa bumi, banjir, tanah runtuh, jambatan runtuh, bencana alam, perintah berkurung, perintah sekatan am

Terhalang perjalanan ke pejabat atau ke tempat bekerja biasa

Pengesahan kejadian kecemasan am oleh Pegawai Daerah, Penghulu, Ketua Balai Polis, Pegawai Penerangan Daerah, Pegawai Kebajikan Daerah atau melalui Media Massa

Kadar:

Tempoh berlakunya kecemasan am - Jam / Hari

Pelepasan Waktu Bekerja Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Menderma Darah

JPA(SARAAN)(S)1613 Klt.14 (75)
bertarikh 1 Jun 2009

Tujuan

Memberi pelepasan bagi memupuk kesedaran di kalangan masyarakat untuk menderma darah

Pelaksanaan

Memberi pelepasan waktu bekerja dalam jangka masa yang munasabah kepada pegawai untuk menderma darah

Soalan

Dato' Munir telah bersara pada 31/3/2008 setelah berkhidmat dengan perkhidmatan awam selama 29 tahun. Pada 1/4/2008, beliau dilantik secara kontrak ke gred VU7 sebagai Ketua Pengarah, Jabatan Kebajikan Masyarakat. Menjelang musim haji bagi tahun 2009, beliau telah tersenarai dalam kuota jemaah haji yang dibenarkan dan berpeluang untuk mengerjakan haji buat kali pertama. Beliau telah mengarahkan Pegawai Sumber Manusia di jabatannya untuk menguruskan hal-hal berkaitan Cuti Haji beliau. Apakah kelayakan Cuti Haji bagi Dato' Munir?

**Layak - jika belum pernah menggunakan kemudahan Cuti Haji semasa dalam perkhidmatan tetap (PP
2/2008)**

Soalan

Puan Naimah telah mendapat Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) dan mengikuti pengajian di peringkat Sarjana selama 2 tahun di UKM. Tempoh Cuti Belajar Bergaji Penuh yang diluluskan adalah dari 1/7/2007 hingga 30/6/2009. Setelah menamatkan pengajiannya, beliau melapor diri ke JPA dan seterusnya memohon Cuti Rehat Selepas Berkursus (Melebihi 12 Bulan) selama 7 hari daripada Ketua Jabatannya. Apakah kedudukan cuti yang dipohon oleh Puan Naimah?

Tertakluk kepada baki CR yang berkelebihan sebelum pegawai mula bercuti belajar.

Soalan

Encik Osman bertugas di Putrajaya. Pada 1/5/2009 (Jumaat), beliau dan keluarganya telah pulang ke kampung di Yan, Kedah. Dalam tempoh tersebut, kampung beliau telah dilanda banjir dan semua jalan utama telah dinaiki air yang mencecah sehingga 1.5 meter. Jalan utama hanya dapat dilalui pada 4/5/2009 (Isnin) jam 12.00 tengah hari. Bagaimanakah kedudukan Encik Osman yang tidak dapat pulang semula ke Putrajaya untuk bertugas pada 4/5/2009?

Kebenaran Tidak Hadir Bertugas Atas Sebab Kecemasan Am pada 4/5/2009 tertakluk kepada pegawai mendapat pengesahan bahawa terlibat dalam kejadian kecemasan am tersebut

SEKIAN....

TERIMA KASIH....

**SEKSYEN PERKHIDMATAN
PEJABAT PENDAFTAR**